BUKU PANDUAN

# AMALAN PENDIDIKAN BERIMPAK TINGGI

(HIGH-IMPACT EDUCATIONAL PRACTICES-HIEPs)

# DALAM MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Tinggi, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, 2019.

ISBN 978-983-3225-22-4
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya

Telefon : 03- 8870 6000
Faks : 03- 8870 6849/6850
Web : http://jpt.moe.gov.my



Dokumen ini disediakan sebagai rujukan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) berasaskan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi atau ***High-Impact Educational Practices*** (HIEPs) untuk semua tenaga pengajar MPU di Institusi Pendidikan Tinggi.

Dokumen ini juga adalah merupakan hasil Bengkel *Master Traine*r HIEPs kursus MPU yang telah diadakan bersama wakil Universiti Awam dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta di dalam dua siri bengkel iaitu pada Mac dan April 2018 di Kuala Lumpur dan Puchong, Selangor.

Penggunaaan amalan HIEPs di dalam pengajaran dan pembelajaran adalah selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Lonjakan 1 berkaitan pemantapan kurikulum di mana penekanan perlu diberikan oleh IPT di dalam merekabentuk kurikulum yang holistik, bersepadu dan dijajarkan secara konstruktif dengan menekankan penggunaan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang merangkumi kejelasan kognitif dan konsep, kemahiran keusahawanan serta pembelajaran melalui pengalaman dan inovasi.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan HIEPs di dalam kursus-kursus umum di IPT khususnya dapat menyokong usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) untuk membangunkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Tinggi Kebangsaan. Graduan tersebut akan mempunyai ilmu yang relevan dan bersesuaian, berakhlak, serta dilengkapi penetapan minda, tingkah laku dan beradab.

Terima kasih diucapkan kepada Fasilitator Bengkel Master Trainer HIEPs kursus MPU dan semua peserta bengkel ini yang telah memberikan kerjasama sewajarnya di dalam penerbitan bahan rujukan ini.

BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN AKADEMIK,
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI



# KANDUNGAN


M/S

1 PENGENALAN KAEDAH HIEPs ---------- 4

2 HIEPs DI DALAM KURSUS MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) DAN CONTOH PELAKSANAAN

2.1 KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA ---------- 11

2.2 KURSUS HUBUNGAN ETNIK ---------- 21

2.3 KURSUS PENGAJIAN MALAYSIA ---------- 31

2.4 KURSUS BAHASA MELAYU KOMUNIKASI ---------- 41

2.5 KURSUS KELOMPOK U2 ---------- 47

2.6 KURSUS KELOMPOK U3 ---------- 68

2.7 KURSUS KELOMPOK U4 ---------- 88

3 RUJUKAN ---------- 101



# 1 PENGENALAN KAEDAH HIEPs

## Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi): Pelan Tindakan Pelaksanaan Inisiatif untuk Lonjakan 1

| | Fasa 1 (2015) | Fasa 2 (2016-2020) | Fasa 3 (2021-2025) |
|---|---|---|---|
| **Strategi A**<br>A Membangunkan kurikulum holistik dan bersepadu | ▪ Memperkenalkan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs), pembelajaran berdasarkan pengalaman dan penerapan sikap keusahawanan di IPT awam dan swasta<br>▪ Mempelopori pembangunan kaedah penilaian bersepadu yang dimulakan oleh IPT perintis | ▪ Memperkenalkan program 3+1 atau 2+2 dengan mengambil kira pembelajaran luar kampus atau berasaskan industri<br>▪ Melancarkan dan menerapkan sistem penilaian bersepadu<br>▪ Menyokong IPT dalam mempergiat usaha untuk jaringan industri dan komuniti<br>▪ Membantu IPT dalam mengukuhkan rangka kerja MPU, dengan melibatkan kursus umum merentas kurikulum<br>▪ Menggalakkan pengukuhan program keusahawanan, terutamanya komponen praktikal | ▪ Menambah baik rangka kerja penilaian bersepadu merentas semua IPT awam dan swasta<br>▪ Mengkaji semula dan menyemak garis panduan untuk menggalakkan dan memudahkan penggabungan kemahiran abad ke-21 ke dalam kurikulum IPT<br>▪ Menyokong IPT dalam membangunkan kurikulum bersepadu |

Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi), di bawah Lonjakan 1, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) perlu dimantapkan melalui kaedah HIEPs dalam menyokong IPT untuk membentuk suatu kurikulum yang bersepadu.

Inisiatif ini diletakkan di bawah Strategi A, Lonjakan 1 bagi membentuk graduan IPT yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di samping itu, pengukuran pencapaian pelajar untuk kursus-kursus MPU perlu dipastikan mematuhi prinsip penjajaran konstruktif sama ada dalam konteks penyampaian mahupun pentaksirannya.



## Takrif dan Ciri-ciri HIEPs

Amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) adalah merujuk kepada strategi, teknik dan reka bentuk pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi pelajar pelbagai latar belakang. Pembelajaran melalui kaedah ini terbukti amat bermanfaat kerana ia dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus seperti kursus MPU.
Ciri-ciri HIEPs yang menyebabkan ia sesuai untuk penyampaian MPU:

| | |
|---|---|
| **Pengetahuan Tentang Budaya dan Dunia Fizikal atau Sebenar** | • Fokus kepada keterlibatan pelajar dalam mengupas isu-isu besar, meruncing dan bersifat kontemporari |
| **Kemahiran Intelektual dan Praktikal** | • Merentas kurikulum secara berperingkat melalui pengendalian projek atau kes yang mencabar dan penggunaan standard pentaksiran berasaskan prestasi |
| **Tanggungjawab Kendiri dan Sosial** | • Disangkutkan dengan penyertaan aktif dalam komuniti yang yang penuh dengan kepelbagaian dan cabaran dunia nyata |
| **Pembelajaran Bersepadu dan Gunaan** | • Diserlahkan melalui pengunaan pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri kebertanggungjawaban dalam menyelesaikan masalah kompleks dan situasi baharu |



## Senarai Kaedah HIEPs yang Sesuai untuk Penyampaian Kursus MPU

- **Pengalaman/Seminar Tahun Satu/** *First Year Seminar/Experiences* (FYS)
- **Tugasan dan Projek Kolaboratif/** *Collaborative Assignment and projects* (CAS)
- **Pembelajaran Berasaskan Khidmat/ Komuniti/** *Service/Community Based Learning* (SBL)
- **Pembelajaran bercirikan Kepelbagaian/ Global** *Diversity/Global Learning* (DGL)
- **Penyelidikan Empirik/** *Empirical Research* (ER)
- **Penulisan Akademik Intensif /** *Intensive Academic Writing* (IAW)
- **Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang/** *Interdisciplinary Approach to Assessment* (ID)

## Contoh Mekanisme dan Garis Masa Pelaksanaan



## Pemetaan untuk Penjajaran Kursus dengan Domain KKM (edisi pertama 2007)

- ● Pemetaan dominan dengan sebahagian besar hasil pembelajaran kursus dan jumlah pemberat maksimum
- ○ Pemetaan kurang dominan dengan satu atau beberapa hasil pembelajaran kursus

| No. | Kursus/contoh kursus seperti di dalam buku Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua | KKM3 Kemahiran dan Tanggung-jawab Sosial | KKM4 Nilai, Sikap dan Profesio-nalisme | KKM5 Komunkasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan | KKM7 Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat | KKM8 Kemahiran Mengurus dan Keusaha-wanan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | U1: Tamadun Islam & Tamadun Asia | ○ | ● | | | |
| 2. | U1: Hubungan Etnik | ● | ○ | | | |
| 3. | U1: Pengajian Malaysia 1/2/3 | ● | ○ | ○ | | |
| 4. | U1: Bahasa Melayu Komunikasi 1/2 | ○ | | ● | | |
| 5. | U1: Bahasa Kebangsaan A | | | ● | | |
| 6. | U2: Kemahiran Kepimpinan | ○ | | ● | | |
| 7. | U2: Asas Keusahawanan | | | | ○ | ● |
| 8. | U3: Pengajian Islam | ● | ● | | | |
| 9. | U4: Keterlibatan Komuniti | ● | ○ | ○ | | |
| 10. | U4: Inovasi dalam Ketenteraan | ○ | ● | ○ | | |
| 13. | U4: Sukan Badminton | ● | ○ | | ○ | |

## Penggunaan Kaedah HIEPs dalam Kursus TITAS (3 Kredit)

| Bil. | Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) | DHP KKM | Kaedah Penyampaian | Komponen/Kaedah Pentaksiran | | | Beban Pembelajaran Pelajar (SLT) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Pentaksiran bertulis (peperiksaan/ ujian/ulasan/ folio) | Kuiz/ MOOC/ Atas talian | Tugasan berkumpulan (report/ulasan / pembentangan/video & refleksi) | |
| 1 | Menghuraikan peranan nilai ketamadunan dalam pembentukan sistem nilai masyarakat Malaysia | KKM4 | Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan | 15% | 10% | | 30 jam |
| 2 | Mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya | KKM3 | Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan | | | 30% | 35 jam |
| 3 | Membahaskan elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa | KKM4 | Kuliah interaktif, e-pembelajaran dan aktiviti dalam kumpulan | 15% | | 30% | 55 jam |
| **JUMLAH** | | | | **30%** | **10%** | **60%** | **120 jam** |

Boleh disampaikan melalui kaedah HIEPs

## Mekanisme Pelaksanaan Kaedah HIEPs di dalam Program

| No. | Kaedah HIEPs | Diterapkan dalam kursus | Penyepaduan beberapa kursus dalam program | Ditawarkan dalam bentuk kursus berasingan | Ditawarkan dalam bentuk kursus ko-kurikulum |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | FYS: Pengalaman / Seminar Tahun Satu | ● | | ● | |
| 2. | ER: Penyelidikan Empirik | ● | | ● | |
| 3. | CAS: Tugasan dan Projek Kolaboratif | ● | | ● | |
| 4. | SBL: Pembelajaran Berasaskan Khidmat / Komuniti | ● | | ● | |
| 5. | DGL: Pembelajaran Berciri Kepelbagaian / Global | ● | | ● | ● |
| 6. | IAW: Penulisan Akademik Intensif | ● | ● | | |
| 7. | ID: Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang | | | ● | |





# 2.1 PANDUAN HIEPs MPU BAGI KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS)



## Pengenalan

HIEPs adalah amalan pendidikan berimpak tinggi yang berupaya meningkatkan penglibatan pelajar dari segi tingkah laku, emosi dan kognitif, bersifat integratif dan connected. Hasil pembelajaran kursus TITAS ini yang pelbagai dan memberi impak kepada gred, kecekalan, kepuasan dan penyempurnaan pengajian.

Kursus TITAS merupakan kelompok U1 yang menekankan aspek penghayatan, falsafah, nilai dan sejarah. Di samping itu, kursus ini bertujuan meningkatkan tahap nilai, sikap dan profesionalisme (KKM4), kemahiran dan tanggungjawab sosial (KKM3) serta memenuhi hasil pembelajaran kursus ini.

## Kaedah HIEPs

Antara kaedah HIEPs yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- **Pengalaman/Seminar Tahun Satu (FYS)** - Kaedah pelaksanaan seperti seminar / pameran reka cipta dan inovasi / pembentangan poster, *inter faith dialogue*.

- **Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)** - Kaedah pelaksanaan seperti kajian kes, pembelajaran berasaskan masalah (PBL), eksperimen sosial, lawatan ilmiah dan kajian lapangan.

- **Pembelajaran Berciri Kepelbagaian/Global (DGL)** - Pembelajaran atas talian bersama pelajar, pensyarah dan tokoh dalam/luar negara melalui platform MOOC, *Google Groups, Skype, Face Time* dan lain-lain.

- **Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)** - Projek gotong-royong, menyantuni gelandangan, kerja amal di rumah anak yatim, rumah warga tua, hospital dan badan kebajikan yang lain.

## Justifikasi Pemilihan

### Pengalaman/Seminar Tahun Satu (FYS)

- Pelajar dapat mempamerkan 'komunikasi sosial' dan dapat menghubung kait elemen ketamadunan dengan isu kemasyarakatan semasa.

### Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)

- Pelajar dapat berinteraksi dengan komuniti luar dalam membina kesedaran mereka terhadap dunia luar seperti aktiviti kajian kes, pembelajaran berasaskan masalah (PBL), eksperimen sosial dan kajian lapangan bagi memenuhi HPK2 iaitu mencapai atribut 'komunikasi sosial' dan 'tanggungjawab sosial' dan HPK 3 yang menekankan atribut "nilai dan sikap".

### Pembelajaran Berciri Kepelbagaian/Global (DGL)

- Pelajar dapat melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan berkaitan isu – isu peradaban daripada pelbagai perspektif agama, nilai dan budaya.

- Elemen global boleh disuntik melalui pembelajaran atas talian bersama pelajar, pensyarah dan tokoh-tokoh dalam/luar negara melalui platform MOOC, *Google Groups, Skype*, *FaceTime* dan lain-lain.

### Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)

- Pelajar dapat belajar elemen ketamadunan dan kebudayaan (seperti adat resam, pantang larang, bahasa, kesenian dan nilai-nilai murni) menerusi pengalaman sebenar bagi disesuaikan dengan Kerangka Kelayakan Malaysia kursus TITAS. Pada masa yang dapat menggalakkan sikap prihatin dan sedar terhadap persekitaran luar dan mengaplikasikannya dalam kehidupan.



## Contoh Aplikasi HIEPs Dalam MPU

i. **Pengalaman/Seminar Tahun Satu**

Pelajar melawat pusat persatuan/kelab pelajar dalam kampus. Pelajar dikehendaki berkongsi pengalaman yang telah dilalui melalui pembentangan bersama rakan. Pelajar juga dikehendaki membuat laporan berkaitan dengan senarai tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi menyempurnakan tugasan. Aktiviti ini menggabungkan elemen komunikasi sosial dan tanggungjawab sosial.

ii. **Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti**

Keterlibatan pelajar bersama komuniti kampus contohnya membuat aktiviti gotong royong, derma darah, ziarah, bantuan banjir dan sebagainya. Pelajar akan membentangkan pengalaman tersebut untuk dikongsikan bersama rakan. Pelajar juga akan membuat laporan senarai tanggungjawab yang telah diamanahkan. Aktiviti ini menggabungkan elemen komunikasi sosial dan tanggungjawab sosial.

iii. **Tugasan dan Projek Kolaboratif**

Penyelesaian tugasan/projek bagi kaedah ini perlu melibatkan kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelbagai ilmu/disiplin/fakulti.

Contohnya : penyelesaian isu pencemaran alam sekitar dari pelbagai disiplin ilmu (pengurusan, agama, falsafah, sains dan ekonomi).

iv. **Pembelajaran Berciri Kepelbagaian/Global**

Pelajar melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan isu peradaban dari pelbagai perspektif (Islam/Barat/Melayu/Cina dan India).

Elemen global boleh disuntik melalui pembelajaran atas talian bersama pelajar luar negara, contohnya melalui kursus terbuka dalam talian (MOOC).



## Penyampaian dan Pentaksiran HIEPs Bersepadu

**Kaedah bersepadu yang menggabungkan beberapa kaedah HIEPs juga boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS.**



# PEMETAAN KEPADA PENTAKSIRAN

| HPK | DHP KKM | KOMPONEN / KAEDAH PENTAKSIRAN | BEBAN PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 2. Mempamerkan kebolehan komunikasi sosial dalam kepelbagaian landskap budaya | KKM 3<br>(kemahiran dan tanggungjawab sosial)<br><br>• dinilai melalui aktiviti pembentangan dan laporan (berasaskan rubrik) | • Pembentangan:<br>• *Role play,* video, poster, produk, dll<br><br>• Cadangan pemberat: 30% | 25 jam |
| 3. Menghubung kait elemen ketamadunan dengan isu kemsyarakatan semasa | KKM 4<br>(nilai, sikap dan profesionalisme)<br><br>• dinilai melalui aktiviti pembentangan dan laporan (berasaskan rubrik) | • Pembentangan dan Laporan Bertulis<br><br>• Cadangan pemberat: 30% | 25 jam |

## Pengalaman / Seminar Tahun Satu (FYS)



Pembentangan Poster


Pembentangan Poster


Pameran Produk & Inovasi



Seminar

## Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)









# Pembelajaran Berasaskan Kepelbagaian/Global (DGL)





## Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)











# 2.2 PANDUAN HIEPs MPU BAGI KURSUS HUBUNGAN ETNIK (HE)



## Pengenalan Kursus Hubungan Etnik

Hubungan Etnik merupakan komponen U1 yang perlu diambil oleh semua pelajar warganegara Malaysia. Kursus ini membincangkan konsep asas, latar belakang dan realiti sosial masa kini hubungan etnik di Malaysia dari perspektif kesepaduan sosial. Pengajaran dan pembelajaran kursus ini dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti individu, berpasukan dan semangat kesukarelaan. Kursus ini ditawarkan dalam dua bentuk, iaitu sebagai Kursus (2 kredit) dan Kursus (3 kredit).

## KAEDAH HIEPs

Di antara kaedah-kaedah HIEPs yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)
- Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)
- Penulisan Akademik Intensif (IAW)
- Pengalaman/Seminar Tahun Satu (FYS)
- Pembelajaran Berciri Kepelbagaian/Global (DGL)
- Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang (ID)

Pengajar boleh memilih beberapa kaedah HIEPs di atas untuk disepadukan supaya sesuai dengan konteks projek atau kes yang diberi,

## Justifikasi Pemilihan

Kaedah ini bertujuan untuk mencapai HPK berikut:

1. HPK2 (KKM4): Menilai pelajar menghasilkan laporan bertulis dan pembentangan secara berkumpulan. Fokus kepada atribut nilai dan sikap yang diterapkan.

2. HPK3 (KKM3): Menilai refleksi pelajar dalam interaksi sosial pelbagai etnik yang menekankan atribut hormat dan tanggungjawab sosial.

*Pengajar boleh memilih sub-atribut yang relevan



## PEMETAAN KEPADA PENTAKSIRAN

| HPK | DHP KKM | KOMPONEN / KAEDAH PENTAKSIRAN | BEBAN PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 2. Menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab | KKM 4 (nilai dan sikap)<br><br>• dinilai melalui aktiviti pembentangan dan laporan (berasaskan rubrik) | • Pembentangan dan Laporan Bertulis<br><br>• Cadangan pemberat: 45% | 30 jam |
| 3. Membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik | KKM 3 (hormat dan tanggungjawab sosial)<br><br>• dinilai melalui aktiviti pembentangan dan laporan (berasaskan rubrik) | • Pembentangan dan Laporan Bertulis<br><br>• Cadangan pemberat: 25% | 25 jam |

## Contoh Aplikasi HIEPs dalam MPU

Kaedah HIEPs ini mensasarkan kepada perkara berikut:

### Pengalaman/Seminar Tahun Satu (FYS)

- Menyediakan pelajar dengan kemahiran asas mengenai kehidupan kampus.
- Memberi peluang kepada pelajar meneroka persekitaran kampus dan berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan.
- Mencapai HPK3 melalui aktiviti penerokaan persekitaran dan perkongsian pengalaman dengan rakan pelbagai etnik.
  HPK3 - KKM3 (hormat, kesedaran kendiri dan tanggungjawab sosial).

  Contoh:
  > Program Jejak Awal Kampus yang membolehkan pelajar baharu mengenali persekitaran kampus (pelbagai elemen) dengan bimbingan pelajar lama *(senior)*.










## Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)

Kaedah HPK2 ini mensasarkan kepada perkara berikut :

- Mencapai HPK2 & HPK3.
- Mencapai HPK2 untuk domain KKM4 (nilai & sikap) dan HPK3 untuk domain KKM3 (hormat, kesedaran kendiri dan tanggungjawab sosial)
- Menyediakan pelajar dengan kemahiran dan tanggungjawab sosial melalui tugasan berkumpulan.
- Membina jati diri kebangsaan dan semangat kesukarelaan bagi melahirkan wargenagara yang bertanggungjawab.
- Contoh : Kerja lapangan berkumpulan dan pembentangan.





## Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)

Kaedah HIEPs ini mensasarkan kepada perkara berikut:

- Mencapai HPK2 berkaitan jati diri dan kesukarelaan.
- Menyediakan pelajar dengan pengalaman berinteraksi dengan komuniti pelbagai etnik.
- Memupuk semangat kesukarelaan dalam kalangan pelajar.

  Contoh:
  Pelajar menyertai aktiviti lawatan dan khidmat sosial di kampung orang asli, hospital, rumah orang tua, anak yatim, sekolah dan lain-lain.

  Nota: Penekanan diberikan kepada aktiviti interaksi di antara pelajar dengan komuniti di tempat tersebut.





## Penulisan Akademik Intensif (IAW)

Kaedah HIEPs ini mensasarkan kepada perkara berikut:

- Mensasarkan dan menilai pencapaian HPK2 untuk domain KKM4 (nilai dan sikap) dan HPK3 untuk domain KKM3 (sifat hormat, kesedaran kendiri dan kebertanggungjawab sosial).
- Membimbing pelajar untuk menghasilkan penulisan yang menepati gaya penulisan akademik.
- Membimbing pelajar untuk menghasilkan penulisan yang beretika dan bertanggungjawab.
- Contoh:
  Laporan projek / tugasan
  Kertas cadangan projek



## Pembelajaran Berciri Kepelbagaian dan Global (DGL)

Kaedah HIEPs ini mensasarkan kepada perkara berikut:

- Mencapai HPK3 berkaitan hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik.
  HPK3 - KKM3 (hormat, kesedaran kendiri dan tanggungjawab sosial).
- Pembelajaran secara bersemuka atau dalam talian dengan menggunakan pelbagai aplikasi dan medium.
- Menumpukan kepada pembinaan hubungan yang menekankan nilai hormat dan tanggungjawab sosial antara etnik berbeza.
- Mendedahkan pelajar dengan kerencaman etnik pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- Mendedahkan pelajar dengan kemahiran mengurus kepelbagaian etnik.
  Contoh:
  Sesi telesidang di antara pelajar atau pengajar pelbagai universiti dalam dan luar negara.





## Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang (ID)

- Mensasarkan dan menilai pencapaian HPK2 untuk domain KKM4 (nilai dan sikap) dan HPK3 untuk domain KKM3 (sifat hormat, kesedaran kendiri dan kebertanggungjawaban sosial).
- Menghimpunkan pelajar daripada pelbagai disiplin ilmu untuk melaksanakan satu projek secara bersama.
- Contoh:
  - Pengurusan rumah jagaan warga emas pelbagai etnik yang dilihat dari pelbagai disiplin ilmu
  - Pentadbiran dan pengurusan institusi - program pengurusan
  - Kesihatan – Perubatan dan sains kesihatan
  - Teknikal – Kejuruteraan
  - Pemakanan – Sains makanan
  - Seni bina – Alam bina
  - Rekod dan data – Teknologi maklumat
  - Rekaan dan hiasan dalaman – Seni reka









## Contoh Penyampaian dan Pentaksiran HIEPs Bersepadu

Kaedah bersepadu yang menggabungkan beberapa kaedah HIEPs juga boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Hubungan Etnik.





# 2.3 PANDUAN HIEPs MPU BAGI KURSUS PENGAJIAN MALAYSIA (PM)

## Pengenalan

Kursus Pengajian Malaysia merupakan kursus dalam kelompok U1 pada peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda. Kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai identiti kebangsaan dan diterap dengan semangat patriotisme yang unggul. Pengajaran dan pembelajaran adalah berbentuk kuliah interaktif, e-pembelajaran, projek berkumpulan, peperiksaan dan pengalaman pembelajaran. Sehubungan dengan itu, pendekatan HIEPs yang sesuai dicadangkan dalam beberapa aktiviti seperti berikut:

## Kaedah HIEPs

- Pengalaman/Seminar Tahun Satu (FYS)
- Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)
- Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)
- Penulisan Akademik Intensif (IAW)

## Justifikasi Pemilihan

**HPK 2:** Menilai kepentingan identiti kebangsaan ke arah pengukuhan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar

**HPK 3:** Membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar



## Aktiviti Pelajar

**Tugasan kumpulan (pilihan)**
Kajian Kes, Projek Lawatan Ilmiah atau Projek Khidmat Komuniti atau Eksperimen Sosial
Laporan Berkumpulan (berdasarkan projek, pembentangan dan laporan bertulis)

**Tugasan individu**
Ulasan/Analisis (laporan bertulis)
Contoh; filem/ iklan/ jurnal/ buku/ artikel/ akhbar dan lain-lain

## Langkah/Prosedur

**Kajian Kes/Projek Lawatan Ilmiah/ Projek Komuniti**
Langkah 1: Taklimat berkaitan penyediaan penyelidikan dan penulisan
Langkah 2: Pembentukan kumpulan
Langkah 3: Pemilihan tajuk dan penilaian kertas cadangan
Langkah 4: Kajian lapangan
Langkah 5: Pembentangan
Langkah 6: Penyerahan laporan akhir



## Aplikasi HIEPs Dalam MPU U1

### Pengalaman/Seminar Tahun Satu (FYS)

- Taklimat berkaitan penyediaan penyelidikan dan penulisan
- Pemilihan tajuk dan penilaian kertas cadangan

### Penulisan Akademik Intensif (IAW)

- Penyerahan laporan akhir bertulis
- Tugasan Individu-ulasan/analisis

### Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)

- Pembentukan kumpulan
- Kajian lapangan/ projek lawatan ilmiah
- Pembentangan

### Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)

- Pembentukan kumpulan
- Pelaksanaan Projek Komuniti/ Eksperimen Sosial
- Pembentangan



## Contoh Aplikasi HIEPs dalam MPU




### 1. TUGASAN BERKUMPULAN

**Langkah 1:** Setiap kumpulan dikehendaki membuat kertas cadangan (1-2 halaman) berkaitan projek yang bersesuaian. Kertas cadangan perlu mengandungi tajuk, justifikasi pemilihan, objektif, metodologi, bajet (sekiranya perlu) dan rujukan.

**Langkah 2:** Memilih salah satu kaedah HIEPs di bawah:

**a. Kajian Kes (CAS):**

- Pelajar dikehendaki memilih satu isu yang terkandung dalam kursus Pengajian Malaysia dan mempunyai kaitan secara langsung dengan pembentukan identiti kebangsaan dan pengukuhan semangat patriotisme.
- Contoh: Pelaksanaan sistem pilihan raya dalam amalan demokrasi berparlimen di Malaysia, peranan mahasiswa dalam usaha pembentukan integrasi di Malaysia, kepentingan dasar awam dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pembangunan Negara dan lain-lain.

**b. Projek Khidmat Komuniti (SBL):**

- Pelajar dikehendaki memilih satu projek khidmat komuniti/ eksperimen Sosial.
- Contoh: Pelaksanaan Projek Patriotisme di sekolah atau di tempat-tempat yang difikirkan sesuai.

**c. Projek Lawatan Ilmiah (CAS):**

- Pelajar dikehendaki memilih satu tempat yang relevan dan sesuai untuk dilawati.
- Contoh: Lawatan ke Parlimen, kementerian, mahkamah, muzium, China Town, Little India, dan lain-lain.



**Langkah 3: Pembentangan**

- Setiap kumpulan dikehendaki membuat pembentangan dalam bentuk video/poster/ pameran/visual/persembahan dan sebagainya mengikut kreativiti pelajar.

**Langkah 4: Laporan Bertulis**

- Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan laporan bertulis/refleksi (15 hingga 30 halaman).
- Penulisan perlu mengikut format yang ditetapkan dalam standard penulisan akademik.
- Penghantaran laporan adalah mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

**2. TUGASAN INDIVIDU**

Pelajar dikehendaki menyediakan laporan ulasan yang mengandungi tajuk, sinopsis/ latar belakang, justifikasi pemilihan, analisis dan rumusan (5 halaman).

- Ulasan ialah berkaitan perkara berikut: Filem/ iklan/ tular/ jurnal/ buku/ artikel/ akhbar/ lagu dan lain-lain (pilihan).
- Pelajar dikehendaki menghantar laporan/refleksi bertulis pada masa yang ditetapkan.
- Contoh: Ulasan filem Sarjan Hassan, lirik lagu Negaraku nyanyian Faizal Tahir, iklan Merdeka oleh Petronas dan lain-lain.

# PEMETAAN KEPADA PENTAKSIRAN

| HPK | PENTAKSIRAN | ATRIBUT | SUBATRIBUT | KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (KKM) |
|---|---|---|---|---|
| 2: Menilai kepentingan identiti kebangsaan ke arah pengukuhan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar | Penilaian akan dibuat melalui aktiviti dan pembentangan dan penyediaan dua bentuk laporan iaitu laporan berkumpulan dan laporan individu<br><br>(Cadangan Pemberat: 40%) | Elemen nilai dan sikap | Moral<br>Jati diri | KKM4: Nilai, Sikap dan Profesionalisme |
| 3: Membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar | Penilaian akan dibuat melalui aktiviti, pembentangan dan penyediaan laporan<br><br>(Cadangan Pemberat: 30%) | Elemen komunikasi sosial | Interaksi dengan orang lain<br>Memupuk hubungan | KKM5: Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja berpasukan |

## Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)



Taklimat Tugasan



Perbincangan Kumpulan



Kerja Lapangan



Pembentangan




Laporan Bertulis

## Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)

Contoh SBL 1: Projek Eksperimen Sosial: Patriotism Among Undergraduate in Nilai University:






Contoh SBL2:
Projek Cintakan Negara:
Aktiviti Bersama Kanak-kanak TABIKA Kemas

Contoh SBL 3: Projek Patriotisme di UPM :

# Penulisan Akademik Intensif (IAW)




**Ulasan Lirik Lagu**




**Ulasan Iklan Merdeka Petronas**




**Ulasan Buku**



# 2.4 PANDUAN HIEPs MPU BAGI KURSUS BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

## Pengenalan Kursus Bahasa Melayu Komunikasi

Kursus Bahasa Melayu Komunikasi (U1) ini dikhaskan kepada pelajar antarabangsa yang mengikuti sebarang kursus di IPT. Pelajar antarabangsa akan dilatih berkomunikasi dalam Bahasa Melayu yang asas. Pada akhir kursus ini, pelajar boleh menerangkan kandungan teks dengan menggunakan ayat mudah dan ayat berlapis, bertutur dalam situasi tertentu dengan menggunakan ayat mudah dan boleh menyusun idea dalam penulisan karangan pendek.

## Justifikasi Pemilihan

- Pelajar dapat mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dalam konteks situasi sebenar dalam lingkungan yang lebih besar, iaitu berinteraksi bersama masyarakat luar. Pada masa yang sama pelajar dapat mendalami budaya masyarakat Melayu dan memahami kehidupan sebenar.
- Pelajar dapat memahami sesuatu konteks atau situasi yang diberi dan mengaplikasikannya dalam bentuk lakonan, temu ramah dan seumpamanya. Pada masa yang sama pelajar dapat membaca dan menjelaskan maksud sesuatu kata dan ayat serta petikan mudah berdasarkan aktiviti di atas.
- Pelajar dapat berinteraksi dengan masyarakat luar dalam membina kesedaran mereka tentang dunia luar seperti aktiviti gotong-royong dan sukarelawan.
- Pelajar dapat berdikari dan membina keyakinan diri serta mengaplikasi penggunaan bahasa yang dipelajari.

## Kaedah HIEPs

Antara kaedah-kaedah HIEPs yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (SBL)
- Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang (ID)
- Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)
- Pembelajaran Berciri Kepelbagaian/Global (DGL)



# Contoh Aplikasi HIEPs dalam MPU

## Pembelajaran Berasakan Khidmat/Komuniti (SBL)

**1. Program Keluarga Angkat**

Pelajar akan dibawa ke kawasan kampung terpilih untuk mengalami kehidupan di kampung bersama keluarga angkat. Pelajar diberi peluang sepenuhnya untuk berbahasa Melayu dan memahami budaya Melayu melalui akitviti – aktiviti seperti cara menanam padi, menampi padi, menangkap ikan, bermain layang-layang, menunggang kerbau, belajar memasak, mencanting batik, bermain permainan tradisional dan sebagainya.

**2. Program Kampung Budaya**

Pelajar berpeluang berinteraksi dengan pelajar tempatan dalam menganjurkan aktiviti Kampung Budaya. Pelajar akan diajar cara-cara menyambut tetamu (cara bersalam), makan di atas lantai, cara memasak makanan tradisional, seni mempertahankan diri, seni muzik Melayu seperti kompang dan persembahan tradisi seperti dikir barat, wayang kulit, tarian dan sebagainya bersama pelajar tempatan.

**3. Mengadakan Program Dengan Universiti Lain**

Contoh pertandingan nyanyian lagu Melayu, sketsa antara universiti dan pertandingan deklamasi sajak untuk pelajar antarabangsa.

## Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang (ID)

**1. Lakonan**

Pelajar diminta untuk membaca dan memahami teks lakonan yang dicadangkan oleh pensyarah. Kemudian pelajar diminta merakamkan intonasi lakonan mereka dengan menggunakan telefon pintar. Seterusnya pelajar menterjemahkan lakonan ini kepada bentuk drama yang divideokan. (Bidang bahasa - lakonan - teknologi multimedia).



## Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)

### 1. Sesi Temu Ramah

Setelah pelajar mempelajari kata tanya bahasa Melayu, pelajar diberi senarai ayat tanya sebagai tugasan untuk mereka menemu ramah orang tempatan (kakitangan universiti). Temu ramah ini perlu dirakamkan dalam bentuk video. Berdasarkan hasil temu ramah, pelajar diminta membuat karangan berbentuk biodata tentang individu yang ditemu ramah. (Dicadangkan pelajar menemu ramah kakitangan dari fakulti atau bidang yang berbeza).

### 2. Interaksi berdasarkan situasi atau konteks

Pelajar diberi situasi tertentu dan diminta untuk berinteraksi dengan kakitangan universiti. Pelajar diminta merakam interaksi yang berlaku dengan menggunakan telefon pintar. Rakaman dihantar kepada pensyarah melalui kaedah sistem dalam talian.

## Pembelajaran berciri Kepelbagaian/Global (DGL)

### Membuat kerja sosial (sukarelawan)

Pelajar bekerjasama dengan mana-mana NGO bagi melaksanakan tugasan yang diberi (projek). Contohnya membantu mangsa banjir, golongan gelandangan, bergotong-royong membersihkan surau, masjid, sekolah dan sebagainya.



## PEMETAAN KEPADA PENTAKSIRAN

| HPK | DHP KKM | KOMPONEN / KAEDAH PENTAKSIRAN | ANGGARAN MASA PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 1. Membaca dan menjelaskan maksud ayat serta petikan mudah. | KKM 5<br>(kejelasan idea, kefahaman dan menjawab soalan)<br>• dinilai melalui ujian bertulis ataupun kuiz | Ujian / Kuiz | 20 jam |
| 2. Bertutur dalam situasi tertentu dengan menggunakan ayat mudah. | KKM 3<br>(kesesuaian dan tahap khalayak)<br>• dinilai melalui sesi pembentangan | Pembentangan Individu & Pembentangan Kumpulan | 30 jam |
| 3. Menyusun idea dalam penulisan karangan pendek. | KKM 5<br>(kejelasan dan kesinambungan dalam penulisan)<br>• dinilai melalui peperiksaan | Peperiksaan | 30 jam |



Pelajar mengalami sendiri pengalaman menghadiri majlis perkahwinan masyarakat Melayu.



Perkahwinan contoh 'mock wedding' yang dilakukan di dalam kelas.



Contoh pelajar mengenakan pakaian tradisional Melayu.



Pelajar diajar dengan cara-cara memakai sampin.



# 2.5 PANDUAN HIEPs MPU BAGI KURSUS KELOMPOK U2

Bahasa Kebangsaan (A)

Asas Keusahawanan

*Graduate Success Attribute*



# KURSUS BAHASA KEBANGSAAN A

## Pengenalan

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar tempatan yang tidak mendapat kepujian dalam matapelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar akan dilatih berkomunikasi dan menulis sesuai dengan tahap intelek pelajar. Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh meningkatkan kecekapan berbahasa dalam konteks rasmi dan tidak rasmi. Pelajar boleh menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik. Pelajar juga dapat membina hubungan yang baik dalam kerja berpasukan.

## Kaedah HIEPs

Antara kaedah HIEPs yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- Pengalaman/Seminar Tahun Satu (FYS)
- Pembelajaran Berciri Kepelbagaian/Global (DGL)
- Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang (ID)
- Tugasan dan Projek Kolaboratif (CAS)



## Justifikasi Pemilihan

**Pengalaman/Seminar Tahun Satu - (FYS)**

Pelajar dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam kelas melalui kajian terhadap penggunaan bahasa. Pelajar akan melihat dan menilai kesalahan-kesalahan penggunaan bahasa yang sering dilakukan dalam masyarakat.
Kaedah ini digunakan untuk HPK 1 (KKM5), iaitu bertutur dengan berkesan dalam situasi rasmi dan tidak rasmi.

**Pentaksiran Berpendekatan Antara Bidang - (ID)**

Pelajar dapat memahami sesuatu konteks atau situasi yang diberi dan mengaplikasikannya dalam bentuk lakonan, temu ramah dan seumpamanya. Pada masa yang sama pelajar dapat membaca dan menghuraikan maksud sesuatu kata dan ayat daripada petikan berdasarkan aktiviti.
Kaedah ini digunakan untuk HPK 1 dan HPK 3 (KKM5), iaitu berkomunikasi secara lisan dalam kerja berkumpulan.

**Pembelajaran Berciri Kepelbagaian/Global - (DGL)**

Pelajar dapat berdikari dan membina kesedaran diri tentang dunia luar dan mengaplikasi penggunaan bahasa yang telah dipelajari dalam kalangan penutur bahasa Melayu dari gugusan nusantara.
Kaedah ini digunakan untuk HPK 1, HPK 2 dan HPK 3 (KKM5), iaitu berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam kerja berkumpulan.

**Tugasan dan Projek Kolaboratif - (CAS)**

Pelajar diberi situasi tertentu dan diminta untuk berinteraksi dengan kakitangan universiti. Pelajar diminta merakamkan interaksi yang berlaku dengan menggunakan telefon pintar. Rakaman tersebut dihantar kepada pensyarah melalui secara atas talian. Pelajar juga diberikan satu tema dan diminta menghasilkan satu rakaman berdasarkan tema tersebut.
Kaedah ini digunakan untuk HPK 1 dan HPK 3 (KKM5), iaitu berkomunikasi secara lisan dalam kerja berkumpulan.



**APLIKASI HIEPs (FYS)**

Pelajar akan diberi tajuk-tajuk berkaitan kesalahan penggunaan bahasa yang sering dilakukan dalam masyarakat. Pelajar diminta memilih satu kajian dan membentangkan kajian tersebut daripada senarai tajuk yang telah ditetapkan. Pelajar juga dibenarkan untuk memilih tajuk kajian mereka sendiri.

**APLIKASI HIEPs (DGL)**

Mengadakan program pesta pantun, deklamasi sajak, debat ala parlimen antara universiti. Pelajar juga diminta merakam dalam bentuk video perbualan tentang aktiviti yang dilakukan mereka dengan pelajar dari negara lain atau dari negeri lain di Malaysia menggunakan telefon pintar. Aktiviti yang dilakukan adalah untuk memperlihatkan kerterlibatan pelajar dalam mengukuhkan penggunaan Bahasa Melayu.

**APLIKASI HIEPs (ID)**

Pelajar dari pelbagai disiplin ilmu diminta untuk membaca dan memahami teks lakonan/sketsa yang dicadangkan oleh pensyarah. Pelajar diminta merakamkan lakonan mereka dengan menggunakan telefon pintar dan seterusnya pelajar menterjemahkan lakonan ini ke dalam bentuk drama yang divideokan (Bidang bahasa, lakonan, telekomunikasi media).

**APLIKASI HIEPs (CAS)**

Pelajar diberi situasi/tema tertentu dan diminta untuk berinteraksi dengan kakitangan universiti atau dengan agensi kerajaan/swasta. Pelajar diminta merakamkan interaksi yang berlaku dengan menggunakan telefon pintar. Rakaman tersebut dihantar kepada pensyarah secara atas talian.

## PEMETAAN KEPADA PENTAKSIRAN

| HPK | DHP KKM | KOMPONEN / KAEDAH PENTAKSIRAN | BEBAN PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 1. Bertutur dengan berkesan dalam situasi rasmi. | KKM 5 (komunikasi lisan)<br>• dinilai melalui aktiviti pembentangan dan laporan (berasaskan rubrik | Pembentangan dan kuiz<br><br>Cadangan pemberat: 25% | 15 jam |
| 2. Menghasilkan penulisan yang jelas dan bersistematik. | KKM 5 (komunikasi bertulis)<br>• dinilai melalui aktiviti pembentangan dan laporan (berasaskan rubrik) | Peperiksaan, kuiz dan laporan bertulis<br><br>Cadangan pemberat: 45% | 45 jam |
